


Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui pemakluman di Dewan Rakyat pada sidang Parlimen yang lalu menyatakan sebanyak 21 316 orang pelajar telah berhenti sekolah sepanjang tempoh bermula Mac 2020 hingga Julai 2021. Jumlah ini bukan satu angka yang menarik untuk dilihat, apatah lagi bagi sebuah negara yang sedang rancak mempersiapkan diri untuk muncul sebagai sebuah negara maju dalam tempoh terdekat.

Walaupun jumlah pelajar yang berhenti daripada sistem pendidikan khususnya persekolahan formal pada tahun 2018 lebih tinggi, iaitu sebanyak 34 074 orang pelajar, namun faktor pandemik COVID-19 telah menjadi faktor utama yang menyumbang kepada bilangan pelajar yang tercicir bagi tahun 2020 dan 2021. Tempoh pandemik yang panjang ini menjadi faktor penghalang utama yang mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka seperti kebiasaannya.

Keciciran pelajar daripada arus PdP merujuk kegagalan seseorang pelajar untuk meneruskan rutin persekolahan yang sepatutnya diikuti. Menurut Dr. Anuar Ahmad, Pensyarah di Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), menjelaskan bahawa kecaciran pelajar ini boleh dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kecaciran pendidikan dan kecaciran pembelajaran. Keciciran pendidikan merujuk sekumpulan pelajar yang telah berhenti sekolah, manakala kecaciran pembelajaran pula terdiri daripada pelajar yang masih bersekolah, namun tercicir daripada proses pembelajaran kerana sering tidak hadir ke sekolah, ponteng ataupun tidak mampu untuk mengikuti sesi PdP yang dijalankan.

Keciciran pelajar ini merupakan isu besar yang akan memberikan kesan terhadap persediaan negara untuk menghadapi masa hadapan yang gemilang dalam semua aspek termasuk pendidikan. Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dalam laporannya pada November 2020 memberi gambaran menakutkan sekiranya isu pendidikan ini tidak ditangani dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab. Kajian



KEPERLUAN PENDEKATAN PENDIDIKAN BAHARU

Sama ada kita sedar atau tidak, jumlah pelajar yang tercicir sepanjang tempoh pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak penghujung tahun 2019 telah melebihi 20 000 ribu orang pelajar di semua peringkat pengajian.

yang dijalankan oleh sekumpulan pengkaji dari UNICEF ini mendapati antara faktor penting yang menyebabkan pelajar tercicir daripada proses PdP sepanjang tempoh pandemik COVID-19 disebabkan hilang fokus dan minat terhadap pelajaran masing-masing.

Kita sedia maklum bahawa sepanjang tahun 2020 dan 2021, negara kita telah beberapa kali menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat dan bertempoh, manakala takwim persekolahan juga diubahsuai bagi menangani penularan wabak COVID-19. Dengan tempoh penutupan sekolah yang panjang juga memberikan kesan psikologi kepada pelajar yang mendorong kepada berlaku kecaciran, sama ada kecaciran pendidikan ataupun kecaciran pembelajaran.

Sepanjang tempoh PKP, pihak KPM memperkenalkan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi murid sekolah rendah dan pelajar tingkatan 1 hingga 5. Kaedah PdPR ini mendapat pelbagai reaksi daripada semua pihak terbabit, terutamanya ibu bapa, guru dan pelajar sendiri. Terdapat banyak

kekangan pada peringkat awal pelaksanaan PdPR ini, lebih-lebih lagi kebanyakan pelajar masih belum bersedia secara fizikal, material dan emosi untuk mengikuti pembelajaran secara PdPR.

Polemik antara ibu bapa, guru dan masyarakat tentang baik atau sebaliknya kaedah PdPR ini telah membuka mata banyak pihak untuk meneliti keberkesannya. Tidak dapat dinafikan, masih terdapat anggota masyarakat secara sinis memberi reaksi yang negatif terhadap kaedah PdPR. Walau bagaimanapun, sama ada kita suka atau tidak, semasa tempoh pandemik, inilah satu-satunya kaedah yang telah dijalankan bagi "menghidupkan" suasana PdP dalam kalangan pelajar.

Antara kekangan utama pelaksanaan PdPR ialah melibatkan peralatan yang terhad. PdP secara jarak jauh yang menggunakan teknologi komunikasi berasaskan Internet pastinya memerlukan peralatan ataupun peranti yang boleh menghubungkan guru dengan pelajar. Sedangkan alat kelengkapan teknologi ini tidak mampu dimiliki oleh kebanyakan ibu bapa terutamanya dalam kalangan golongan B40. Oleh sebab itu, keperluan

untuk menyediakan kelengkapan pembelajaran anak-anak dilihat sebagai satu beban ekonomi bagi keluarga tersebut. Kesannya mereka lebih sanggup menggunakan pendapatan sedia ada untuk membeli makanan ataupun keperluan lain, yang lebih penting pada waktu pandemik.

Laporan kajian yang dijalankan oleh UNICEF di Lembah Klang sepanjang tempoh pandemik mendapati ibu bapa memilih untuk mengehendkan peruntukan pendidikan anak-anak kerana pendapatan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Melalui tindakan seperti ini pastinya peluang untuk anak-anak mengikuti PdPR juga terjejas.

Senario pendidikan sepanjang pandemik ini memerlukan satu pendekatan baharu agar matlamat utama pendidikan di Malaysia tidak terpesong daripada tujuannya yang asal. Jika kita meneliti rangkuman matlamat pendidikan negara melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dengan jelas menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia merupakan proses yang berterusan bagi melahirkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu secara seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Hal ini bermakna fungsi pendidikan dan institusi pendidikan di Malaysia sangat besar terhadap usaha melahirkan rakyat Malaysia yang mampu memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Oleh sebab itu, apa-apa sahaja usaha untuk memperkenalkan pendekatan baharu dalam sistem pendidikan di Malaysia perlu diteliti kesan pelaksanaannya terhadap kumpulan yang terlibat, iaitu ibu bapa, guru dan pelajar. Pandangan dan saranan daripada tiga kumpulan ini perlu diteliti dan diperdebatkan. Walau bagaimanapun, badan berkuasa dalam hal ehwal pendidikan di Malaysia, iaitu KPM telah pun menjalankan tanggungjawab dengan sewajarnya serta bijak dalam membuat keputusan segera berkaitan dengan aspek pendidikan sepanjang tempoh pandemik.

Keperluan pendekatan pendidikan baharu pascapandemik merujuk satu usaha semua pihak, iaitu pemegang taruh utama dalam pendidikan untuk sama-sama berganding bahu supaya golongan pelajar khususnya tidak terjejas. Pelajar wajib

mendapat pendidikan seperti kumpulan pelajar yang belajar sebelum waktu pandemik. Cuma dari segi kaedah sahaja yang membezakannya.

Inisiatif KPM melaksanakan PdPR memerlukan sokongan daripada semua pihak. PdPR telah memberi banyak cabaran kepada pelaksanaannya, iaitu para guru. Begitu juga dengan cabaran terhadap pihak ibu bapa dan penjaga dalam usaha mereka menyediakan peralatan serta cabaran bagi pihak pelajar untuk mengikuti PdP secara jarak jauh tanpa bersemuka dengan guru. PdPR ialah satu kaedah PdP yang menarik dan interaktif, jika mampu dilaksanakan dengan baik oleh guru dan pelajar.

Namun begitu, berdasarkan laporan kajian yang telah dijalankan oleh kumpulan penyelidik dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkaitan dengan kesediaan guru dalam melaksanakan PdPR menunjukkan banyak masalah yang dihadapi ketika melaksanakan PdPR. Menurut laporan tersebut, terdapat antara 70 hingga 80 peratus guru yang melaksanakan PdPR menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perhatian pelajar. Selain itu, masalah kekurangan peralatan, kelemahan infrastruktur dan capaian Internet juga merupakan cabaran utama dalam pelaksanaan PdPR.

Pada masa yang sama, kehadiran pelajar yang mengikuti PdPR juga, menurut laporan kajian tersebut tidak mencapai 80 peratus dan kebanyakan murid yang hadir pula tidak memberikan fokus terhadap pembelajaran dan pengajaran kerana suasana rumah yang tidak kondusif.

Di pihak guru pula, kajian ini melaporkan bahawa 50 hingga 60 peratus guru juga tidak selesai melaksanakan pengajaran secara dalam talian. Hal ini berkaitan rapat dengan faktor kemahiran menggunakan peralatan teknologi maklumat dalam kalangan guru yang agak rendah. Berdasarkan kajian kumpulan penyelidik UKM juga menunjukkan tahap kemahiran guru yang menggunakan peralatan teknologi maklumat secara dalam talian pula hanya sekitar 50 hingga 60 peratus, manakala hanya 40 hingga 50 peratus guru yang mahir mempelbagaikan pengajaran secara dalam talian.

Realiti berkaitan dengan PdPR ini perlu ditangani dengan pendekatan pendidikan baharu yang sesuai dan selesa bagi semua pihak yang terlibat. Cadangan sesetengah pihak tentang penggunaan peralatan audio-visual sedia ada di setiap rumah seperti radio dan televisyen sebagai satu daripada mekanisme PdP perlu diberikan perhatian. Sebenarnya, pihak KPM juga telah melaksanakan penggunaan televisyen sebagai alat PdP melalui DidikTv KPM.

Semua pihak, khususnya guru dan juga pensyarah di institusi pengajian tinggi (IPT) dan pengajar-pengajar yang terlibat dalam proses PdP pada pelbagai peringkat pengajian wajib mendalami ilmu baharu PdP yang berasaskan teknologi maklumat terkini. PdP pada waktu ini bukan lagi terhad di bilik-bilik darjah ataupun di dewan-dewan kuliah sahaja, malah perlu merentasi sempadan teknologi yang terkini. Pendekatan pendidikan baharu yang bermula pada waktu pandemik ini boleh menjadi asbab untuk kita menekuni kaedah ini sebagai satu daripada cara PdP yang berkesan.

Kejangkitan takwim pembelajaran pada peringkat nasional yang diumumkan oleh KPM baru-baru ini juga merupakan cara terbaik untuk menyesuaikan keadaan pandemik yang telah mengehendkan tempoh pembelajaran berlangsung. Kalendar pendidikan yang lebih anjal dan berfokus mampu memberi ruang kepada guru, ibu bapa dan pelajar untuk membuat persediaan yang sepatutnya.

Iktibar daripada pandemik, iaitu berkaitan dengan pendidikan di Malaysia perlu diterima secara terbuka dan positif oleh semua pihak. Kita tidak pernah menjangkakan akan berlaku satu penularan wabak yang telah hampir melumpuhkan semua aspek termasuk pendidikan di seluruh dunia. Dari sisi positifnya, kita mampu belajar dan menanganinya dengan baik. Pendekatan pendidikan baharu yang bersifat hibrid perlu diteliti dan dikaji dengan sebaik-sebaiknya sebagai satu daripada pendekatan pendidikan baharu pascapandemik COVID-19. □

Penulis, Pensyarah Kanan, Kolej Ekonomi Tenaga & Sains Sosial, Universiti Tenaga Nasional, Kampus Putrajaya.